

Kebebasan Bersuara dan Komentar Netizen Terhadap Isu Muhammad Adib di Berita Harian Online

Freedom of Speech and Netizen's Comments on the Issue of Muhammad Adib In Berita Harian Online

Poovaneaswary Manoharan
¹Muhammad Adnan Bin Pitchan

Program Komunikasi Media
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹adnan86@ukm.edu.

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini, kebebasan bersuara di media sosial semakin berleluasa. Kebebasan media ini sering dikaitkan dengan kebebasan bersuara. Di mana kebebasan bersuara di media ini merujuk kepada kebebasan bagi sesuatu pihak untuk menyatakan atau menyuarakan pendapat mereka. Kebebasan bersuara ini merujuk kepada satu asas utama dalam masyarakat demokratik. Namun begitu, masyarakat mempunyai piawaian yang berbeza, terutamanya dalam menyuarakan pendapat dengan perspektif yang berlainan. Maka, satu kajian dijalankan bagi menganalisis komentar netizen terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online. Isu ini dipilih kerana ia merupakan isu sensasi di mana netizen gemar menyuarakan pendapat mereka dalam pelbagai perspektif dengan cara menulis komentar di berita-berita yang disiarkan di Berita Harian Online. Kajian ini cuba menganalisis komentar netizen terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online. Pendekatan yang diambil secara kualitatif ini adalah menggunakan kaedah analisis kandungan dan temu bual mendalam. Analisis kandungan ini menganalisis komentar netizen dari 28 November 2018 sehingga 5 Disember 2018 iaitu sebanyak 602 komentar netizen dipilih untuk analisis. Satu temu bual mendalam juga dijalankan bagi mengetahui cadangan penambahbaikan bagi mengawal kebebasan bersuara di Berita Harian Online. Hasil dapatan kajian menemukan bahawa netizen menyuarakan pendapat melalui komentar walaupun dengan bahasa negatif. Bagi mengatasi ini, cadangan – cadangan daripada informan juga dibincangkan supaya dapat mengawal kebebasan bersuara di Berita Harian Online. Secara keseluruhannya, semua pihak termasuk badan berita, kerajaan dan masyarakat perlu mengambil berat tentang kebebasan bersuara supaya dapat mengekalkan keharmonian negara.

Kata kunci: *Komentar, Netizen, Kebebasan Bersuara, Isu Muhammad Adib, Berita Harian Online*

ABSTRACT

Lately, the freedom of expression on social media has increased. Freedom of the media is often associated with freedom of speech. Where freedom of speech in this media refers to the freedom of a party to express or express their opinion. This freedom of expression refers to a fundamental principle in democratic society. However, society has different standards, especially in voicing opinions from different perspectives. Therefore, a study was conducted to analyze netizens' comments on the issue of Muhammad Adib in the Daily News Online. This issue was chosen because it is a sensation issue where netizens like to voice their opinions in various perspectives by commenting on the news that is published in the Daily News Online. This study attempts to analyze netizens' comments on the issue of Muhammad Adib in the Daily News Online. This qualitative approach is to use content analysis methods

and in-depth interviews. This content analysis analyzes netizens comments from November 28, 2018 through December 5, 2018 with a total of 602 netizens comments selected for analysis. An in-depth interview was also conducted to find out what suggestions to improve freedom of speech on Daily News Online. The findings of the study found that netizens voiced their opinions through comments even in negative language. To address this, suggestions from informants were also discussed in order to control the freedom of speech in the Daily News Online. On the whole, all parties, including news organizations, governments and the public have to care about freedom of speech in order to maintain national harmony.

Key words: *Comments, Netizen, Freedom of Expression, Muhammad Adib Issue, Berita Harian Online.*

1. Pengenalan

Perkembangan dalam dunia teknologi ini membawa perubahan dalam komunikasi. Di mana komunikasi juga memainkan peranan penting dalam rutin harian masyarakat. Era digital kini menyebabkan kemahiran komunikasi menjadi aspek penting bagi setiap individu. Menurut Sulaiman (2010), proses komunikasi merupakan tunjang utama dan tidak dapat dielakkan bagi seseorang itu dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Proses komunikasi ini mula berkembang dari telefon ke media sosial. Kini, media sosial menjadi dominan dalam dunia komunikasi.

Media sosial bukan hanya digunakan sekadar untuk berhubung antara satu sama lain tetapi ia juga digunakan untuk mendapat berita – berita daripada portal berita online. Kehadiran laman rasmi badan – badan berita di media sosial seperti Facebook banyak membantu netizen untuk mengetahui isu – isu disekeliling mereka. Contoh laman rasmi agensi berita ialah Berita Harian Online, Mymetro, The Star dan sebagainya di Facebook. Netizen juga menggunakan media sosial sebagai sumber berita dalam talian. Agensi berita juga menggunakan kaedah berita dalam talian untuk menyampaikan isu atau informasi terkini kepada masyarakat.

Ekoran daripada perkembangan ini, netizen berupaya untuk memberi pandangan atau reaksi mereka dalam bentuk komentar di laman rasmi berita tersebut. Netizen lebih cenderung untuk menyuarakan pandangan atau memberi reaksi terhadap sesuatu isu di media sosial. Netizen juga berani menyuarakan pendapat – pendapat yang negatif seperti menghasut atau menghina sesuatu pihak di media sosial. Malaysia mengamalkan kebebasan bersuara menyatakan pendapat sebagai satu asas utama dalam masyarakat demokratik. Namun begitu, masih terdapat kawalan dalam kebebasan bersuara seperti yang termaktub dalam Perkara 10(2) dimana Parlimen boleh menggubal undang – undang untuk mengehadkan kebebasan bersuara atas sebab – sebab keselamatan negara dan ketenteraman awam, Nathan (2003).

Media sosial menjadi satu medium bagi netizen untuk menyuarakan pendapat atau pandangan. Lagi – lagi kehadiran berita dalam talian memudahkan netizen untuk memberikan reaksi atau pendapat dari pelbagai perspektif. Hal ini kerana, berita dalam talian menyampaikan isu – isu terkini lebih pantas berbanding akhbar cetak. Dengan wujudnya, ruang komen di setiap laman rasmi badan berita seperti Berita Harian Online memudahkan lagi netizen untuk menyuarakan pendapat mereka. Hal ini boleh membawa ancaman kepada keharmonian negara jika kebebasan bersuara disalahgunakan.

Beberapa kes yang menyalahgunakan kebebasan bersuara telah diberikan hukuman dari sisi undang – undang. Menurut Wan Amizah & Muhammad Adnan (2017) beberapa kes penghinaan terhadap institusi raja telah dikenalpasti dan pesalah – pesalah diberikan hukuman yang setimpal. Kajian ini juga menyeru bahawa kebebasan dan kawalan perlu

seimbang demi keharmonian dan kesejahteraan negara. Akta dan perundangan adalah elemen wajib perlu diadakan dalam sesebuah negara bagi tujuan memantau dan mengawal internet ini. Hal ini dikatakan kerana, segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan media sosial untuk meluahkan rasa tidak puas hati terhadap mana – mana pihak.

Kajian seterusnya yang menyatakan bahawa kebebasan media perlu disekat bagi menjamin keharmonian dan keselamatan negara, Yayha Abdul Rahman (2017). Antara sebabnya ialah kemajmukan masyarakat. Pada tahun 1969 beberapa isu sensitif telah diuar – uarkan pada ketika itu yang sehingga menyebabkan berlaku isu perkauman iaitu tragedy 13 Mei. Faktor utama terjadi rusuhan kaum kerana Kempen Pilihan Raya Umum (1969) dilakukan melalui akhbar – akhbar Melayu seperti Utusan Melayu dan akhbar Cina seperti Nanyang Siang Pau. Hal ini menimbulkan ketegangan kaum dalam kalangan rakyat. Oleh itu, kawalam media terhadap kebebasan bersuara perlu diadakan supaya dapat menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara.

Romlah Ramli (2016) dalam kajiannya menjelaskan bahawa perkembangan teknologi terutamanya kewujudan internet dan media sosial membawa banyak perubahan sosial bagi sesebuah masyarakat, di mana dengan ada kebebasan bersuara mereka menyuarakan pendapat tanpa menitikberatkan nilai moral. Terutamanya hal ini dapat dilihat di media sosial dimana masyarakat menunjukkan rasa tidak puas hati mahupun memberikan pendapat mereka dengan menggunakan perkataan – perkataan yang kurang bermoral. Penulisan bebas di media sosial membawa kepada keadaan kucar kacir di negara ini.

Justeru makalah ini membincangkan tentang komentar netizen terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online. Selain itu, makalah ini turut melihat bagaimana netizen menggunakan kebebasan bersuara dalam isu sensasi seperti isu Muhammad Adib. Bagi mengawal kebebasan bersuara di Berita Harian Online pula cadangan penambahbaikan turut dibincangkan.

2. Metod Kajian

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif telah diambil dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan temu bual mendalam bagi mengumpulkan data. Sebanyak 602 komentar dianalisis di Berita Harian Online dari 28 November 2018 hingga 5 Disember. 13 berita dan 602 komentar yang ditulis dibawah ruang komentar bagi berita tersebut telah dianalisis. Pendekatan ini diambil kerana ia bertepatan dengan keperluan kajian yang dapat mengkaji secara mendalam berbanding dengan pendekatan kuantitatif yang hanya dikaji secara umum. Bagi analisis kandungan tema – tema utama dikenalpasti seterusnya komentar netizen dikodkan mengikut tema yang dipilih seperti mengikut tema bahasa dan bentuk komentar. Kaedah temubual mendalam pula membenarkan para informan iaitu pakar – pakar untuk berkongsi pendapat dan pengetahuan mereka mengenai cadangan penambahbaikan mengawal kebebasan bersuara terhadap Berita Harian Online. Tiga orang informan terpilih bagi membincangkan isu mengenai kebebasan bersuara di Berita Harian Online. Antara informan yang terpilih ialah terdiri daripada wartawan, polis dan pensyarah undang – undang siber. Pakar – pakar telah menyarankan cadangan yang relevan kepada badan berita, kerajaan dan masyarakat bagi mengawal kebebasan bersuara di Berita Harian Online.

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1 *Maklumat Demografi*

Kajian ini memfokuskan kepada 602 komentar netizen dari 28 November 2018 hingga 5 Disember 2018 di Berita Harian Online. Sebanyak 602 komentar di setiap berita dalam tempoh tersebut telah dianalisis bagi kaedah analisis kandungan. Bagi kaedah temu bual mendalam pula 3 informan dari bidang kepakaran telah ditemubual. Antara informan yang ditemu bual ialah polis yang berumur 32 tahun dan berkhidmat selama 7 tahun dalam bidang tersebut. Informan seterusnya ialah wartawan. Beliau berumur 35 tahun dan berkhidmat selama 12 tahun. Beliau juga pernah mengikuti kes Muhammad Adib di mahkamah. Informan terakhir merupakan seorang pensyarah di sebuah universiti awam. Beliau berumur 50 tahun dan berkhidmat selama 25 tahun. Beliau merupakan pakar undang – undang siber. Beliau juga pernah menulis beberapa buku mengenai undang – undang siber.

3.2 *Komentar Netizen Terhadap Isu Muhammad Adib di Berita Harian Online*

Dua tema utama dipilih iaitu bahasa dan bentuk komentar untuk menganalisis komentar netizen terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online.

a) Bahasa

Antara tema utama yang dipilih ialah bahasa. Tema bahasa ini pula dipecahkan kepada 3 sub tema iaitu positif, negatif dan tiada kaitan. Menurut Murugan, (2018) menyatakan bahawa terdapat 3 cara netizen menyampaikan pandangan mereka di media sosial. Hal ini dikatakan kerana netizen menyuarakan pandangan mereka di media sosial dalam menggunakan bahasa yang positif seperti menunjukkan simpati terhadap sesuatu isu manakala bahasa negatif yang digunakan pula dengan menggunakan perkataan yang boleh menyindir, menghina atau menghasut seseorang atau sesuatu pihak. Tiada kaitan pula dirujuk kepada emoji atau iklan yang ditulis di bahagian komentar. Oleh hal yang demikian, penyelidik memilih tema bahasa untuk menganalisis komentar netizen terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online.

Sebanyak 167 komentar bersifat positif dan negatif pula sebanyak 421 komentar serta tiada kaitan pula sebanyak 14. Bilangan komentar negatif lebih banyak berbanding dengan komentar positif. Jelas mendapati bahawa, netizen berani menyuarakan pandangan mereka melalui komentar di Berita Harian Online dengan menggunakan perkataan – perkataan yang negatif. Antara contoh komentar yang menggunakan bahasa negatif adalah :

- i. “ Moorthy Perlu Jadi Watak Utama Yang Dipukul , Baru Dia Tahu Apa Itu Perpaduan 🐼 [#sayangimalaysiaku](#) “
- ii. “Ktua sami minum ketum masa analisa video tu”

Jelas didapati bahawa, komentar negatif lebih banyak daripada komentar positif dan tiada kaitan. Komentar negatif merupakan satu tindakan yang menjatuhkan air muka sesuatu pihak yang mengandungi aspek seperti sindiran, penghinaan dan hasutan, Aini Qotrunnada (2018). Komentar – komentar negatif merupakan komentar yang tidak bersopan. Handono

(2018) menyatakan bahawa komentar negaif mampu menyakiti hati sesuatu pihak. Hal ini kerana, ia mampu memberikan kepahitan dengan mengandungi kata – kata kasar, sindiran dan kecaman. Nughra (2017) menyatakan bahawa gaya bahasa ini umumnya dapat menyakiti hati pendengar, sehingga komentar tersebut dikatakan tidak bersopan. Lagi – lagi komentar negatif yang terdapat di isu sensitif seperti Isu Muhammad Adib ini memberikan impak terhadap keharmonian negara. Ini dikatakan kerana, isu Muhammad Adib merupakan isu yang melibatkan dua kaum yang berbeza maka komentar negatif ini melanggar prinsip kesopanan dan norma masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Dengan merendahkan sesuatu pihak ia mampu menimbulkan perselisihan faham, memainkan emosi dan menyebabkan konflik. Hal ini juga disebabkan kerana seseorang penulis komentar negatif sengaja menuduh, tidak bersimpati, protektif terhadap pendapat, kritik secara langsung dengan kata – kata kasar dan mengejek secara langsung, Alike (2017). Oleh itu, ketidakpuas hati seseorang terhadap sesuatu juga menyebabkan bilangan komentar negatif lebih tinggi daripada komentar positif, Kusno & Abd (2016).

b) Bentuk Komentar

Bentuk komentar dilihat secara mendalam dan terperinci berbanding tema sebelum ini iaitu bahasa. Hal ini dikatakan kerana, tema ini iaitu bentuk komentar merujuk kepada 4 sub tema iaitu sindiran, penghinaan, hasutan dan simpati. Penyelidik memilih 4 sub tema ini bagi melihat bagaimana netizen menyuarakan pandangan mereka mengenai isu Muhammad Adib. Maka, sebanyak 602 komentar netizen telah dianalisis mengikut 4 sub tema ini terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online.

Sebanyak 227 komentar didapati dalam bentuk sindiran, 79 komentar dalam bentuk penghinaan, hasutan pula sebanyak 115 manakala simpati sebanyak 167 komentar serta 14 komentar lagi terdapat dalam bentuk tiada kaitan.

Antara contoh komentar yang berbentuk sindiran adalah :

“Terpaksa Buat Lakonan Semula Sebab Kalau Bercakap Tak Keluar Suara.. Cuma Keluardeyyyyyy...”

Contoh komentar yang berbentuk penghinaan pula:

“Klu kuil tu kekal,makin eksyen la moorthy dan geng hindraf nant..kes moorthy hina negara diam sampai sdh..mmg geram btol”

Contoh komentar yang berunsur hasutan :

“Boleh X org melayu bersatu hati sekali. Ketepikan kejap ideologi Berjuang sekali je utk bangsa melayu rampas balik tampuk pemerintah negara.”

Akhir sekali, contoh komentar bagi simpati pula :

“Sudah pasti Allah sentiasa memandang dgn imbuhan dunia DN akhirat.

Semoga saudara Adib D beri kesembuhan.Maaf.”

Komentar bentuk sindiran merujuk maksudnya ditujukan kepada seseorang atau sesuatu pihak dengan tidak disebutkan secara tepat, tetapi dikiaskan atau diibaratkan dengan perkara lain. Namun begitu, pihak yang disindir atau ditumpukan kebiasaannya faham maksud komentar yang ingin disampaikan. Komentar sindiran juga digunakan untuk memberikan kesedaran tentang sesuatu perkara. Hal ini jelas dapat dilihat dalam isu Muhammad Adib di mana isu ini bertentangan norma kehidupan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Netizen menyindir sesuatu pihak terutamanya kaum India dalam isu dengan menggunakan perkataan – perkataan yang menyindir. Ini juga mampu mewujudkan kemarahan masyarakat kaum tersebut dan boleh membawa kepada perselisihan faham.

Komentar bentuk penghinaan merujuk kepada merendahkan atau memandang rendah sesuatu pihak. Komentar bentuk penghinaan ini boleh membangkitkan marah dan sakit hati bagi orang yang diperkatakan itu. Dengan bahasa yang lebih mudah, bahasa penghinaan ini lebih mudah untuk dikenalpasti. Berdasarkan analisis yang berikut, komentar penghinaan seolah – olah seperti menjatuhkan maruah kaum India. Hal ini dikatakan kerana, kebanyakan netizen menghina kaum tersebut dengan menggunakan perkataan – perkataan yang menghina. Bukan sahaja kaum India dihinakan, malah pihak berkuasa seperti PDRM juga dihinakan dengan menyatakan bahawa pihak tersebut bias dan tidak menjalankan tugasnya dengan adil.

Seterusnya, komentar bentuk menghasut pula merujuk kepada komentar yang mengapi – apikan sesuatu situasi. Netizen mengambil kesempatan isu Muhammad Adib ini dengan banyak menunjukkan kebencian terhadap sesuatu pihak dan juga mengapi – apikan isu ini dengan menulis komentar – komentar menghasut. Terdapat juga komentar yang mengapi – apikan isu ini dengan menuduh sesuatu pihak dan ia juga mampu mewujudkan satu keadaan huru hara dalam keadaan ini. Hal ini dikatakan kerana, komentar sebegini mampu mewujudkan kemarahan bagi pihak yang ditunjukkan. Netizen gagal memahami kelonggaran yang diberikan dalam kebebasan bersuara sehingga ia menggugat perpaduan kaum di negara ini.

Komentar bentuk bersimpati ini merujuk kepada komentar – komentar yang mempunyai perkataan yang bersopan dan tidak menyakiti hati orang lain. Berdasarkan komentar yang dianalisis didapati kebanyakan komentar simpati ini mendoakan Muhammad Adib kembali sihat dan juga menunjukkan simpati terhadap magsa dan keluarganya. Sebagai contoh, terdapat komentar yang memberikan kata – kata semangat kepada keluarga mangsa.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa komentar – komentar netizen memberi impak kepada masyarakat dan negara. Hal ini dikatakan kerana, pandangan atau pendapat yang netizen memberikan dalam bentuk komentar boleh menyebabkan berlaku isu perkauman. Lebih – lebih lagi dalam isu Muhammad Adib ini, netizen perlu lebih rasional dan perlu menjaga serta mengelakkan penggunaan perkataan yang negatif supaya ia tidak menimbulkan perselisihan faham antara masyarakat. Ini kerana, isu Muhammad Adib adalah isu penglibatan dua kaum yang berbeza. Hal ini menyebabkan netizen menyuarakan pendapat mengikut perspektif yang berlainan dan mewujudkan perselisihan faham antara masyarakat yang berbilang kaum. Seterusnya, perbezaan pendapat ini mengundang kepada provokasi yang berakhir dengan buruk. Rata – rata masalah atau perselisihan faham berpunca apabila netizen tidak dapat mengawal emosi dalam melontarkan komentar. Lebih – lebih lagi, keadaan menjadi tegang apabila keharmonian dan keselamatan negara tidak dapat dikawal. Hal ini boleh juga mewujudkan satu permasalahan kaum seperti peristiwa 13 Mei 1969. Maka, netizen perlu berwaspada dan rasional apabila menyuarakan pandangan mereka supaya ia tidak menyinggung perasaan masyarakat atau membawa kepada keadaan yang kucar – kacir di negara.

3.3 *Cadangan Penambahbaikan Mengawal Kebebasan Bersuara di Berita Harian Online*

Cadangan yang diberikan bagi penambahbaikan bagi mengawal kebebasan bersuara di Berita Harian Online adalah badan berita perlu memadam komen–komen yang berunsur negatif. Seperti yang dinyatakan oleh informan, tindakan ini tidak dapat diambil 100 peratus jika tiada laporan yang diterima. Tambahan pula, suara media dan suara netizen adalah berbeza. Informan menyarankan bahawa selalunya badan berita mengeluarkan berita – berita berdasarkan fakta bukan sekadar ciptaan. Maka, suara media selalunya betul dan tepat yang menyebabkan kekeliruan adalah suara netizen. Oleh itu, badan berita boleh mengingatkan netizen supaya tidak menyuarakan pendapat yang berunsur negatif selebihnya ia terletak di tangan kerajaan dan masyarakat.

Bagi mengatasi ini juga, terdapat beberapa cadangan yang diberikan oleh para informan kepada pihak kerajaan. Antara cadangan ialah, pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang – undang sedia ada. Hal ini dikatakan kerana, penguatkuasaan yang kurang menyebabkan netizen lebih berani menyuarakan pandangan atau pendapat yang negatif. Kebebasan bersuara di media sosial perlu diperketatkan dengan mengenakan hukuman setimpal. Kerajaan juga harus memberatkan lagi hukuman terhadap kes membabitkan isu – isu sensitif. Ini dikatakan oleh informan kerana, netizen lebih gemar memberikan komentar kepada isu – isu sensitif yang disiarkan oleh badan berita di media sosial berbanding dengan isu lain. Ini juga boleh merumitkan keadaan di negara ini dan juga merumitkan pihak polis untuk menjalankan siasatan. Sebagai contoh, isu Muhammad Adib ini telah berlaku kekeliruan disebabkan pelbagai reaksi diberikan oleh netizen sehingga pihak polis mengarahkan netizen supaya tidak mengaitkan isu ini dengan isu perkauman. Maka, kawalan perlu dibuat dan aduan yang diterima sewajarnya dilengkapkan segera dan di bawa ke muka pengadilan.

Bagi mengelakkan perkara sebegini, informan juga menyarankan supaya pihak kerajaan harus mengadakan kempen tentang kebebasan bersuara secara berterusan. Hal ini dikatakan kerana, masyarakat dapat memahami impak – impak yang terjadi dengan komentar – komentar yang diberikan apabila masyarakat terlibat dengan kempen – kempen ini secara berterusan. Pihak kerajaan juga harus memastikan kempen diadakan secara berterusan supaya masyarakat dapat memahami dengan lebih mendalam tentang kebaikan dan keburukan serta cara yang betul dalam menyuarakan pendapat di media sosial seperti Berita Harian Online.

Informan juga menyarankan kepada masyarakat bahawa perlu berfikir sebelum bertindak iaitu sebelum menyuarakan pendapat di media sosial. Hal ini dikatakan kerana isu Muhammad Adib merupakan salah satu isu yang sensitif serta penglibatan dua kaum yang berbeza iaitu kaum melayu dan india. Sememangnya, setiap rakyat Malaysia mempunyai kebebasan bersuara seperti yang terdapat dalam hak asasi adalah antara akta sedia ada seperti terkandung dalam Perkara 10 (1) Perlembagaan Persekutuan tetapi bagaimana masyarakat menerima isu sensasi seperti kes Muhammad Adib adalah pandangan dan pilihan masing-masing. Hal ini demikian kerana, segelintir netizen tidak tahu bagaimana cara yang betul untuk menyampaikan pendapat dalam bentuk komentar terhadap sesuatu isu. Setiap berita yang disiarkan oleh badan berita di Berita Harian Online adalah berlandaskan fakta. Maksud ini fakta ini dijelaskan oleh informan iaitu, ia merujuk kepada semua laporan dari awal kejadian sehingga mahkamah selesai membuat keputusan inkues bersumberkan PDRM dan percicaraan dalam mahkamah.

Oleh itu, netizen boleh percayai berita yang disiarkan di Berita Harian Online tetapi ia terletak di tangan netizen bagaimana pandangan mereka mengenai sesuatu berita terutamanya berita mengenai isu Muhammad Adib. Informan juga menyarankan bahawa masyarakat perlu

menggunakan akal logik bukan emosi semasa memberi komentar. Ini kerana, sebarang komentar yang terdapat dalam bentuk menghasut boleh mempengaruhi pihak lain. Selanjutnya, rakyat juga dicadangkan untuk melaporkan kepada SKMM jika mendapati sebarang komentar berbentuk penghasutan atau penghinaan. Maka, rakyat Malaysia perlu bertanggungjawab dengan tidak memberikan komentar yang negatif supaya dapat mengekalkan kharmonian negara yang berbilang kaum ini.

4. Kesimpulan

Kesimpulannya, isu Muhammad Adib di Berita Harian Online memainkan peranan dalam mempengaruhi minda dan emosi netizen. Seterusnya, komentar netizen mengenai isu Muhammad Adib di Berita Harian Online memberi impak kepada masyarakat dan negara. Penggunaan komentar netizen yang negatif boleh menyinggung perasaan masyarakat yang lain. Hal ini dikatakan kerana, isu ini melibatkan dua kaum yang berbeza maka setiap komentar yang diberikan mungkin boleh menyebabkan perselisihan faham dan boleh membawa ancaman kepada keharmonian negara. Maka, bagi mengelakkan perkara sebegini satu temu bual mendalam telah diadakan bagi mengemukakan cadangan penambahbaikan kebebasan bersuara di Berita Harian Online seperti memperkuatkan undang – undang sedia ada oleh pihak kerajaan. Cadangan seterusnya, badan berita perlu memadam komentar yang berunsur negatif dan bagi masyarakat pula, netizen harus berfikir sebelum menyuarakan pendapat di media sosial supaya ia tidak memberikan ancaman atau menyinggung perasaan orang lain.

Ini dapat membuktikan bahawa terdapat kesan positif dan negatif yang diperolehi daripada pemaparan tajuk berita dan komentar netizen terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online. Netizen harus berfikir dan bertindak dengan rasional semasa menyuarakan pendapat di media sosial. Lembaran sejarah membuktikan, kebebasan bersuara tidak rasional serta bersifat melulu juga menimbulkan pergaduhan kaum seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969 iaitu peristiwa ketidakpuasaan kaum terhadap kaum lain di Malaysia, Ahmad Zaharuddin (2015). Kebebasan ini boleh menimbulkan pergaduhan dan huru hara di negara ini. Maka, setiap individu yang menggunakan media sosial harus mengawal emosi dan bijak serta rasional semasa menyuarakan pendapat. Akhir sekali, kesemua pihak boleh mengikuti cadangan yang diberikan oleh para informan supaya dapat menggunakan medium Berita Harian Online dengan sebaiknya dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam masa hadapan yang akan datang.

Rujukan

- Ahmad Zaharuddin Sani Sabri. (2015) Kebebasan bersuara ada had elak gugat perpaduan rakyat. Berita Harian Online. 5 Februari 2015
- Alika, S. D. (2017) Penyimpangan Prinsip Kesantunan Berbahasa Dalam Interaksi Belajar Mengajar Bahasa Indonesia (The Violation Of Language Politeness Principles In The Interaction Of Indonesian Language Teaching And Learning)
- Handono, P. Y. (2018) Gaya Bahasa Komentar Dalam Akun Instagram “ Mimi Peri. *Lingua Scientia*, 2(2), 97–205
- Kusno, A., & Abd, R. (2016) Bentuk-Bentuk Pelanggaran Prinsip Kesopanan Dalam Ceramah Keagamaan. *Lingua*, 11(2).
- Nugraha, A. P. (2017) Analisis Ketidaksantunan Dalam Perang Kicauan Antarkubu Calon Presiden Amerika Serikat Pada Pilpres 2016. *Etnolingual*, 1(1), 169–188

- Romlah Ramli. (2016) Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial : Peradaban Sosial dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan. *Journal of Techno – Social* 8 (1)
- Siti Ratnamala Binti Saiful Nathan. (2003) Undang – undang Berkaitan Industri Media Di Malaysia: Satu Kajian Interpretatif Dengan Merujuk Beberapa Undang Undang Utama. Universiti Malaya.Kuala Lumpur
- Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar @ Mohd. (2010) Komunikasi dalam pengajaran dan kepimpinan pendidikan. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan (2017). Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-raja di Media Sosial. *Malaysian Journal of Communication* Jilid 33(1)2017: 406-422
- Yahya Abdul Rahman. (2017) *Impak Kawalan State Terhadap Kebebasan Media di Malaysia. Journal of Social Science and Humanities.*